

Cara membuat LPA?

1 Pertimbangkan siapa yang anda ingin lantik sebagai Penerima Kuasa anda dan kuasa yang akan diberikan kepada mereka.

2 Log masuk ke OPGO menggunakan Singpass dan lengkapkan Borang LPA dalam talian. Borang tersebut kemudiannya akan dihalakan kepada Penerima Kuasa dan/atau Penerima Kuasa Pengganti untuk penerimaan pelantikan mereka.

OPGO: <https://opg-eservice.msf.gov.sg>

3 Penerima Kuasa dan/atau Penerima Kuasa Pengganti anda akan menerima pemberitahuan SMS untuk terima pelantikan mereka. Anda mungkin ingin memaklumkan mereka selepas anda salurkan LPA kepada mereka.

4 Apabila semua Penerima Kuasa dan/atau Penerima Kuasa Pengganti anda telah menerima pelantikan tersebut, berjumpa dengan Pengeluar Sijil (CI) untuk mengesahkan Borang LPA anda melalui tandatangan digital. Selepas pensijilan, LPA anda akan diserahkan kepada OPG dalam talian serta-merta untuk pendaftaran.

5 Jika tiada bantahan yang sah diterima dalam tempoh menunggu 3 minggu yang wajib, LPA anda akan didaftarkan pada hari bekerja seterusnya.



Untuk maklumat lanjut,
layari www.msf.gov.sg/opg,
hubungi 1800-111-2222,
atau lengkapkan borang pertanyaan di
<https://go.gov.sg/opg-enquiry>.

Pejabat Penjaga Awam

3 Bishan Place #03-00, CPF Bishan Building,
Singapore 579838

PILIH SELAGI ANDA BOLEH

Lindungi
kepentingan
anda dengan
Surat Kuasa
Berkekalan
(LPA) hari ini

Kemalangan, angin ahmar
atau demensia boleh
menyebabkan kehilangan
keupayaan mental. Anda
boleh membuat LPA
untuk melantik seseorang
yang anda percayai
untuk memutuskan dan
bertindak bagi pihak
anda sekiranya anda
kehilangan keupayaan
membuat keputusan anda
sendiri.

OFFICE OF THE
**PUBLIC
GUARDIAN**


MSF MINISTRY OF
SOCIAL AND FAMILY
DEVELOPMENT

APA ITU SURAT KUASA BERKEKALAN (LPA)?

LPA ialah dokumen sah di sisi undang-undang yang anda (pemberi kuasa) boleh buat untuk melantik satu atau lebih orang (penerima kuasa) agar bertindak bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan membuat keputusan anda sendiri. Anda perlu berusia sekurang-kurangnya 21 tahun. Penerima kuasa yang anda lantik boleh bertindak dalam dua bidang yang luas – perihal kebajikan peribadi dan/atau harta benda & hal ehwal.

MANFAAT MEMBUAT LPA

Mendaftarkan LPA dengan Pejabat Penjaga Awam (OPG) membolehkan anda menyatakan pilihan peribadi anda untuk melantik seseorang yang anda percayai sebagai penerima kuasa anda. Individu tersebut akan secara automatik tampil untuk bertindak bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental.

Membuat LPA memberikan kepastian dan ketenangan fikiran untuk anda dan ahli keluarga tersayang anda.

BAGAIMANA MENGGUNAKAN LPA?

Anda dan Penerima Kuasa anda boleh melihat LPA berdaftar anda dalam OPGO di <https://opg-eservice.msf.gov.sg>.

Penerima Kuasa anda boleh menggunakan LPA berdaftar anda dalam OPGO untuk membuat urusan bagi pihak anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental.

BENAR ATAU SALAH?

Jika saya kehilangan keupayaan mental saya, keluarga terdekat saya secara automatik akan dapat menguruskan kewangan saya.

Salah. Keluarga terdekat anda tidak akan secara automatik mempunyai kuasa undang-undang untuk menguruskan hal ehwal anda, termasuk kewangan anda seperti akaun bank dan pembayaran insurans anda sekiranya anda kehilangan keupayaan mental anda. Jika anda belum membuat LPA, mereka perlu memohon kepada mahkamah agar diberi kuasa untuk mengurus hal ehwal anda.

Sekiranya saya telah membuat Wasiat saya, saya tidak perlu membuat LPA.

Salah. Wasiat hanya berkuat kuasa selepas kematian. Tetapi mungkin terdapat keadaan di mana anda masih hidup, namun tanpa keupayaan membuat keputusan anda sendiri. Dalam senario ini, LPA akan membolehkan penerima kuasa yang anda lantik tampil untuk bertindak bagi pihak anda. Selepas kematian, LPA akan dibatalkan dan kemudian Wasiat, jika telah dibuat, akan berkuat kuasa.

SKIM PARA TIMBALAN DAN PENERIMA KUASA PROFESIONAL (PDD)

Jika anda tidak ada anggota keluarga atau rakan rapat untuk dilantik sebagai pembuat keputusan anda untuk LPA, anda boleh menimbangkan melantik seorang penerima kuasa profesional untuk membuat keputusan ini untuk anda.

Profesional ini perlu memenuhi kriteria yang ketat dan lulus kursus pensijilan. Mereka termasuk peguam, profesional penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial.

Para profesional ini juga boleh memohon kepada Mahkamah untuk dilantik sebagai timbalan agar dapat bertindak bagi individu yang:

- tidak membuat LPA sebelum ini; dan
- telah kehilangan keupayaan mental (iaitu keupayaan membuat keputusan).

Bayaran untuk melibatkan timbalan/penerima kuasa profesional dikenakan dan mungkin berbeza mengikut setiap kes.

